



Menerusi pendekatan 'kebajikan bermula dari rumah' sumbangan pada awalnya memfokuskan usaha pada peringkat jabatan dan fakulti sendiri"

**Daing Nasir Ibrahim,**  
Naib Canselor UMP

# UMP lancar Inisiatif MyGift

BERITA HARIAN 1 OKT 2016 (PENDIDIKAN) N/5 28

**Kuantan:** Universiti Malaysia Pahang (UMP) melancarkan Inisiatif MyGift merangkumi 10 jenis tabung dan endowmen bagi tajaan biasiswa, kebajikan dan penyediaan kemudahan prasarana kepada pelajar.

Majlis pelancaran Inisiatif MyGift UMP dan pengurniaan biasiswa UMP itu akan disempurnakan Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah di Hotel Mandarin Oriental, di Kuala Lumpur, malam ini.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Daing Nasir Ibrahim, berkata Inisiatif MyGift juga adalah saluran universiti itu bagi meningkatkan budaya endowmen sebagai kemudahan kepada warga kampus, alumni dan syarikat korporat serta industri untuk sama-sama menyumbang mengisi dana tabung berkenaan.

Beliau berkata, 10 tabung dan endowmen itu ialah Endowmen Kursi, Endowmen Biasiswa Pelajar, Endowmen Makmal dan Kemudahan, Endowmen Kecemerlangan, Tabung Ramadan, Tabung Masjid, Tabung Bencana, Tabung Wakaf, Tabung Komuniti serta Tabung Prasarana.

"Menerusi pendekatan 'kebajikan bermula dari rumah' sum-

**Fakta  
nombor**

**RM400,000**

**DANA**

diluluskan Lembaga Pemegang Amanah MyGift bagi skim tajaan biasiswa untuk pelajar baharu daripada keluarga miskin dan mendapat keputusan cemerlang

**RM1,000**

**BANTUAN**

pendidikan bagi 10 pelajar baharu hadapi masalah kewangan

bangun pada awalnya memfokuskan usaha pada peringkat jabatan dan fakulti sendiri dan hasilnya sebanyak RM1.8 juta berjaya dikumpulkan bagi manfaat pelajar.

**Sasar endowmen RM40 juta**

"Usaha ini diteruskan dengan meluaskan pengumpulan dana hasil kerjasama pihak industri dan tokoh korporat dengan sasaran nilai endowmen RM40 juta menjelang 2020," katanya di sini, semalam.

Daing Nasir berkata, realiti ekonomi semasa dan komitmen kewangan serta status autonomi dimiliki UMP kini semakin mencabar menyebabkan pihaknya mengambil inisiatif program ini sebagai nadi pertumbuhan universiti.

"Malah, pihak Kementerian Pendidikan Tinggi turut meminta semua universiti awam (UA) meneroka prospek endowmen seoptimum mungkin bagi mengurangkan kebergantungan kewangan mereka kepada sumber kerajaan semata-mata.

"Usaha yang digerakkan kini menampilkan hasil dengan sinergi semua pihak dan komitmen dermawan. UMP yakin program lain yang dimulakan untuk kebajikan mahasiswa akan dapat terus dilestarikan," katanya.